

Sheik Alau'ddin tetapkan matlamat sekurang-kurangnya dua emas di Jakarta-Palembang, sifatkan pingat lebih berprestij daripada Kejayaan Dunia dan Sukan SEA

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

SKUAD pesilat Team Singapore meluahkan keghairahan dapat bertanding buat julung-julung kali dalam Sukan Asia di Indonesia tahun depan sambil berasa bangga sukan akhirnya mendapat pengiktirafan untuk bertanding di peringkat tertinggi di Asia. Mendedahkan demikian dalam interviu eksklusif dengan *Berita Minggu* sekembalinya dari Korea Selatan Rabu lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persilat) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican berkata skuad silat negara akan memulakan latihan untuk memburu pingat dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018, yang dijadualkan berlangsung dari 18 Ogos hingga 2 September itu, bulan depan.

Ini akan diikuti dengan Kejayaan Silat Senia yang dijadualkan berlangsung tiga bulan kemudian pada penghujung Disember.

Silat disahkan akan dipertandingkan dalam Sukan Asia Ke-18 Jakarta-Palembang 2018 dengan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) mengusulkan kepada Jawatankuasa Penganjur Sukan Asia Indonesia (INASGOC) supaya diadakan 16 acara.

"Alhamdulillah saya gembira dan berbangga silat akhirnya dapat disertakan sebagai acara pertandingan dalam Sukan Asia selepas banyak usaha dibuat untuk memartabatkan lagi sukan ini di peringkat tertinggi sekalipun."

"Ini juga peluang keemasan bagi semua atlet dari Asia, khususnya bagi pesilat negara, membuktikan kehebatan sukan ini dan mempromosikannya ke peringkat lebih tinggi hingga ke Sukan Olimpik," jelas Sheik Alau'ddin, yang juga Pengarah Besar Persilat.

Untuk tidak melepaskan peluang memenangi pingat dalam penampilan sulung silat dalam kejohanan paling berprestij di Asia itu, skuad pesilat negara akan memulakan latihan untuk memenangi dua kejohanan besar - Sukan Asia dan Kejayaan Silat Sedunia - itu bulan depan.

"Tidak syak tumpuan utama kami adalah pingat dalam Sukan Asia. Ia lebih berprestij daripada kedua-dua kejayaan dunia dan Sukan SEA kerana ia kejohanan terbesar di peringkat Asia, hanya di bawah Sukan Olimpik."

"Kami akan memulakan latihan mulai bulan depan dan Persi akan mengatur penyerahan skuad negara dalam beberapa acara di peringkat serantau dan antarabangsa untuk mengukur tahap kesediaan dan potensi pesilat kami memenangi pingat."

"Buat masa ini, saya meletakkan sasaran realistik sekurang-kurangnya dua pingat emas dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018," tambah Sheik Alau'ddin.

Beliau merancang menyertakan skuad negara dalam 13 acara yang dibenarkan bagi setiap negara peserta dengan negara tuan rumah



LATIHAN JALAN TERUS: Meskipun baru pulang daripada menyertai pertandingan Kejohanan Asia di Korea bulan lalu, pesilat negara seperti juara berganda dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (dua dari kiri) gigih meneruskan latihan dan *sparring* bersama kapten skuad negara Muhammad Nur Alfian Juma'en. Begitu juga dengan Nurul Suhaila Mohamed Saiful (tiga dari kanan) yang berlatih bersama Atiq Syazwani Roslan dengan diperhatikan rakan *sparring* dari Indonesia, Romadhon (kiri), di pusat latihan di OCBC Arena pagi Rabu lalu. - Foto ZAINAL YAHYA

Indonesia dibolehkan menyertai kesemua 16 acara.

Penampilan pertama silat dalam Sukan Asia turut menimbulkan keghairahan dalam skuad negara dengan kesemua atlet melahirkan kesyukuran dan harapan ia akan terus dipertandingkan dalam Sukan Asia.

Bagi kapten skuad negara Muhammad Nur Alfian Juma'en, penampilan itu menunjukkan bahawa mutu pertandingan silat kini semakin maju.

"Saya berasa sangat bangga dengan pencapaian yang dicapai sukan silat. Penampilan

silat dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018 membuktikan bahawa tahap pertandingan silat semakin maju.

"Saya harap ini akan menjadi motivasi bagi atlet silat di seluruh dunia meledakkan potensi sepenuh mereka untuk membawa sukan ini ke tahap lebih tinggi sehingga suatu hari nanti silat dapat dipertandingkan dalam Sukan Olimpik pula," kata beliau.

Juara dunia berganda Muhammad Shakir Juanda pula melahirkan rasa bertuah dapat bertanding dalam Sukan Asia.

"Saya berasa amat bertuah dapat bertanding dalam Sukan Asia. Ini kali pertama pen-

silat akan dipertandingkan di peringkat Asia. Saya berharap ia akan dapat diteruskan supaya pencak silat ini dapat menarik perhatian lebih ramai lagi masyarakat berbilang kaum menyertai sukan ini," katanya.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Kuala Lumpur baru-baru ini, Nurzuhairah Mohamad Yazid, pula berkata:

"Mendapatkan peluang mewakili Singapura dalam Sukan Asia Jakarta-Palembang tahun depan adalah rahmat besar bagi saya."

"Namun, saya sedar bahawa latihan akan menjadi lebih sukar tetapi saya bersedia menyahut cabaran itu."

Seorang lagi pesilat, Nurul Suhaila Mohamed Saiful, turut melahirkan kegembiraan silat bakal disertakan dalam Sukan Asia.

"Saya amat gembira pencak silat akan dipertandingkan dalam Sukan Asia buat julung-julung kalinya."

"Saya harap ini akan membuka peluang dan memberi manfaat kepada pesilat bukan sekadar dari segi pendedahan atau pengalaman, malah lebih dari itu."

"Saya bersyukur dapat mengambil bahagian dalam acara ini. Saya akan berlatih lebih gigih dan saya mengharapkan yang terbaik untuk pasukan Singapura," ujar beliau.

Skuad silat ghairah bersiap buru pingat Sukan Asia

Berita Harian
25 Februari 2015

Silat sah di Sukan Asia 2018 di Jakarta

Sabu 'Sabo' PAS?
Muda 10

Shahiri kembali giat di pejabat
Muda 10

Berita Harian
25 Februari 2015